

15

Zakat Pendapatan Pengajian - Satu Kewajipan

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Terlebih dahulu khatib berwasiat kepada diri sendiri dan kaum muslimin sekalian agar sama-sama meningkatkan ketaqwaan

kepada Allah s.w.t dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran(3):102)

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah Sekalian...

Dalam kesempatan kali ini, mimbar Jumaat akan membawa khutbah bertajuk “**ZAKAT PENDAPATAN PENGAJIAN - SATU KEWAJIPAN.**”

Kita sering mendengar para ulama dan cendekiawan Islam membincangkan peri pentingnya ibadah zakat dan menyeru umat Islam agar menghayati dan mengamalkannya. Dalam konteks ini Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ
بِعَاذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ ۗ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya, dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, Lagi Maha Terpuji.”*

(QS al-Baqarah (2):267)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Menerusi ayat tersebut, para ulama mengambilnya sebagai sandaran dan dalil pensyariatan zakat pertanian dan pendapatan termasuklah, zakat pendapatan dari penggajian yang merupakan sebahagian dari hasil usaha yang baik-baik (*al-kasbu al-taib*). Imam Abu Hanifah berpendapat ayat tersebut merupakan dalil bahawa, pendapatan dari penggajian dan lain-lain pendapatan seumpamanya adalah diwajibkan keatasnya zakat.

Sebagai perbandingan, dalam pelaksanaan zakat pertanian, sebaik sahaja telah dikenal pasti kadar zakat yang wajib dikeluarkan, maka hendaklah ianya ditunaikan dengan segera. Ini adalah kerana, dikhuatiri nilai asalnya akan berkurangan disebabkan serangan oleh serangga perosak atau faktor cuaca dan sebagainya.

Demikian juga perihalnya, apabila wang dari gaji atau pendapatan kita telah mencapai nisab, maka hendaklah zakatnya dikeluarkan dengan segera. Ini adalah kerana dikhuatiri wang ringgit yang diperolehi itu akan susut nilai atau pendapatan tersebut akan berkurangan disebabkan oleh perbelanjaan yang berlebihan, dan

dikhuatiri pula kadar zakat yang sudah dikenalpasti setelah proses penaksiran dilakukan, akan menyahmusnahkan keseluruhan pendapatan kerana melengah-lengahkan pembayaran zakat, sepertimana yang telah ditegaskan dalam sebuah hadis. Nabi Muhammad s.a.w bersabda:

مَا خَالَطَتِ الصَّدَقَةُ أَوْ قَالَ الزَّكَاةُ مَالًا إِلَّا أَفْسَدَتْهُ

Maksudnya: “Tidak akan berhimpun sedekah atau zakat di dalam harta seseorang itu melainkan sedekah atau zakat itu sendiri akan merosakkan harta tersebut.”

(HR Bukhari)

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Adapun zakat pendapatan dari penggajian termasuklah segala jenis hasil pendapatan atau pulangan sebagai balasan perkhidmatan yang berupa gaji, upah, elaun, dividen, royalti, pencen dan lain-lain bentuk perolehan semasa hidup, bersara atau mati dan apa jua pendapatan berdasarkan kerjaya sebagai ahli profesional.

Pada zaman nabi Muhammad s.a.w, kadar harta perolehan (upah) adalah terlalu kecil dan tidak pula terbatas kepada mata wang sahaja, bahkan upah atau gaji dibayar dalam bentuk buah kurma dan sebagainya. Oleh sebab itu, persoalan zakat pendapatan dari penggajian masih lagi tidak ditekankan. Tetapi pada zaman Saidina Abu Bakar r.a, sistem penggajian agak tersusun dan berdasarkan kepada matawang iaitu antara 7-20 dirham.

Walau Bagaimanapun, kadar harta perolehan (upah) telah meningkat iaitu di antara 80-16,000 dirham pada zaman Khalifah Umar al-Khattab r.a dan Khalifah Uthman bin Affan r.a

serta pemerintah-pemerintah selepas itu. Oleh sebab itu, zakat Pendapatan Penggajian mula dikenakan pada masa tersebut.

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah...

Mengimbau kembali zaman para sahabat dan tabiin dalam konteks pelaksanaan ibadah zakat pendapatan dari penggajian, maka kita dapati seperti yang diriwayatkan bahawa, Abdullah Bin Mas'ud r.a pernah memberi upah dan mengambil zakat daripadanya. Sementara itu, Muawiyah Bin Abi Sufyan r.a pernah mengenakan zakat ke atas sumbangan-sumbangan atau upah yang diberikan dimana para sahabat tidak pernah menentang pendapat Muawiyah dalam hal ini. Begitu juga, Khalifah Umar Bin Abdul Aziz pernah mengenakan zakat ke atas gaji yang diperolehi pada zaman pemerintahannya.

Dr Yusuf al-Qardhawi seorang ulama Islam terkemuka di peringkat global pada masa kini, berpendapat zakat pendapatan penggajian adalah wajib kerana Ibnu Abbas r.a sendiri pernah memberi fatwa dalam peristiwa seorang yang memperolehi harta berupa gaji supaya mengeluarkan zakat.

Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam dan diikuti seterusnya oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Sabah pada 26 Ogos 1998 telah mengeluarkan fatwa mewajibkan zakat ke atas pendapatan dari penggajian bagi umat Islam yang berpendapatan tetap. Fatwa ini seterusnya, diwartakan pada 20 Februari 2003 dalam Warta Kerajaan Negeri Sabah.

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Zakat menurut ajaran Islam adalah merupakan lambang penyukuran nikmat, penyucian jiwa, pembersihan harta, tanggungjawab sosial, penyerahan hak Allah kepada pihak yang memerlukan. Melaksanakan ibadah zakat, bererti kita telah menunaikan ibadah yang merupakan satu-satunya rukun Islam yang mampu menahan tangisan seorang yang hidupnya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Menyedari hakikat inilah, sebilangan umat Islam di Semenanjung Malaysia sudah mula membuat pemotongan zakat Pendapatan Penggajian sejak tahun 1991 lagi berbanding dengan kita di negeri Sabah yang baru mewajibkannya pada tahun 2003. Alhamdulillah, sejak ianya diwartakan hingga tahun 2012 seramai 23,650 orang Kakitangan Awam dan Swasta di Sabah telah membayar zakat pendapatan dari penggajian menerusi Potongan Zakat Berjadual (PZB) yang diselaraskan dengan Potongan Cukai Berjadual (PCB). Dengan kata lain tiada bayaran berganda bagi pembayar zakat dan pembayar cukai.

Namun begitu, adalah dianggarkan seramai 60,000 orang Islam yang terdiri daripada Kakitangan Awam Negeri dan Persekutuan serta Anggota Keselamatan dan pekerja sektor Swasta yang bekerja di Sabah adalah layak dikenakan zakat dan wajib membuat pemotongan Zakat Pendapatan Penggajian. Ini bermakna hanya 39.42% sahaja yang telah melaksanakan ibadah tersebut dan bakinya 60.58% lagi masih belum melaksanakan kewajipan tersebut.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian...

Sebagai penganut agama Islam, sekiranya kita mengamati secara adil lagi bijaksana dan menginsafi kebenaran mahupun

keberuntungan sebagai seorang Islam di Malaysia amnya dan di Sabah Khasnya, maka kita dapati, kita sebenarnya amat beruntung kerana tidak dibebani untuk mengeluarkan belanja yang besar mengurus hal-ehwal berkaitan keagamaan yang melibatkan diri dan keluarga kita.

Kita tidak perlu bersusah payah mengeluarkan wang untuk mendirikan tempat beribadah dan tempat mengaji agama. Malah, kita dapat pula menunaikan ibadah secara percuma di mana-mana masjid atau surau yang didirikan oleh kerajaan, anak-anak kita dapat belajar di sekolah-sekolah agama dengan perbelanjaan yang amat rendah, di setiap pelusuk tersedia secara percuma guru-guru untuk mengaji al-Quran dan Fardhu Ain atau KAFA, terdapat imam dan juru nikah yang menguruskan pernikahan, penceraian dan rujuk dengan yuran yang sangat minimum di samping, tanah perkuburan percuma dan pengurusan jenazah yang mudah dan memakan belanja yang amat sedikit.

Oleh itu, sebagai tanda syukur kita ke hadrat ilahi dan tanda penghargaan kita kepada pemerintah yang telah menyediakan prasarana dan kemudahan sedemikian rupa, maka fatwa dan pewartaan pengenaaan zakat pendapatan dari penggajian, sewajarnya diterima baik dan dipatuhi oleh umat Islam amnya dan golongan yang berpendapatan tetap khasnya demi kebaikan dan kepentingan kita bersama. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.”

(QS Ibrahim (14): 7)

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Salah satu peristiwa yang diperlihatkan kepada Rasulullah s.a.w semasa peristiwa Israk dan Mikraj ialah sekumpulan orang yang hanya menutup kemaluan mereka (qubul dan dubur) dengan secebis kain. Mereka dihalau seperti binatang ternakan. Mereka makan bara api dan batu dari neraka jahanam. Kata Jibril: Itulah orang-orang yang tidak mengeluarkan zakat harta mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُمْ بِالْفَحْشَاءِ وَاللَّهُ يَعِدُكُمْ
 مَغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Syaitan itu menjanjikan kepada kamu dengan kemiskinan (jikalau kamu bersedeqah dan berzakat) dan menyuruh kamu berbuat yang keji, dan sedangkan Allah menjanjikan kepada kamu sesuatu keampunan dan kurniaan daripadaNya (jika kamu bersedeqah dan berzakat) Dan Allah Maha Luas Kurniaan-Nya Lagi Maha Mengetahui.”

(QS Al-Baqarah (2) : 268)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.